

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

E-mail : info@lpp.gov.my

Email Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LPP (B) 5/6 Jld.5 (30)
Tarikh : 28 Jun 2013

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 2 TAHUN 2013

KAEDAH TABUNG PROJEK AZAM TANI (KORPORAT) PERTUBUHAN PELADANG (PP)

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan adalah untuk :-

- a. Mewujudkan suatu tabung untuk kegunaan Projek AZAM Tani (Korporat) PP.
- b. Mengumpul dana dan sumbangan-sumbangan bagi membiayai Projek AZAM Tani (Korporat) PP.
- c. Memberi panduan mengenai tatacara perakaunan dalam pelaksanaan projek secara Korporat PP di bawah Program AZAM Tani.
- d. Menjelaskan skop-skop penggunaan Tabung Projek AZAM Tani (Korporat) PP.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Program AZAM Tani bertujuan meningkatkan pendapatan golongan Miskin Tegar dan Miskin supaya mereka dapat keluar dari Paras Garis Kemiskinan (PGK).
- 2.2 Bagi melaksanakan Program AZAM Tani ini didapati agak sukar untuk mendapatkan peserta yang berminat dan berupaya melaksanakan projek secara individu. Ramai antara peserta eKasih tersebut mempunyai pelbagai masalah untuk melaksanakan projek secara individu seperti ketiadaan tanah, tidak mempunyai kemahiran dan tidak berminat melaksanakan projek.
- 2.3 Maka berdasarkan faktor-faktor tersebut PP mengambil inisiatif bagi membantu peserta-peserta dengan mengambil alih peranan individu peserta dengan melaksanakan projek bagi pihak peserta dan diurus oleh PP secara kelompok atau korporat.
- 2.4 Pelaksanaan Program AZAM Tani, adalah merupakan salah satu daripada tujuh (7) inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area* – NKRA) iaitu Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
- 2.5 KPWKM telah memperuntukkan wang bagi tujuan meningkatkan pendapatan peserta supaya keluar dari garis kemiskinan.
- 2.6 Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kepada peserta untuk melaksanakan Projek AZAM Tani secara korporat dan bersetuju melantik PP sebagai pemegang amanah dan sebagai agen pelaksana serta pengurusan projek AZAM Tani secara Korporat.

3. PUNCA DAN HAD KUASA

- 3.1 Peraturan 66, Peraturan-peraturan PP 1983 : mengenai akaun-akaun untuk disimpan.
- 3.2 Peraturan 85, Peraturan-peraturan PP 1983 : Pendaftar boleh, jika difikirkan perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan peraturan-peraturan ini.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Kaedah Tabung Projek AZAM Tani (Korporat) PP ini hanya boleh digunapakai oleh PP apabila telah didaftarkan oleh Pendaftar.
- 4.2 Peserta projek tidak boleh menuntut sebarang pendahuluan tunai sehingga PP membuat pembahagian keuntungan.
- 4.3 Pembahagian keuntungan dikira dan diagihkan apabila projek mendapat untung bersih.
- 4.4 Keuntungan projek hendaklah diagih antara peserta dan agen pengurusan berdasarkan konsep berikut:-

Sebanyak 100% daripada keuntungan bersih setiap tahun diagihkan seperti berikut:-

- a. 20% untuk Tabung Projek AZAM Tani korporat;
- b. 15% kepada PP sebagai balasan kepada PP selaku agen pengurusan ; dan
- c. 65% kepada peserta AZAM Tani.

4.5 Pembahagian keuntungan kepada peserta akan berterusan sehingga peserta terkeluar dari PGK dan tempatnya akan diganti dengan peserta Miskin Tegar dan Miskin yang baru.

4.6 Tugas-Tugas Agen Pengurusan :-


- a) Menguruskan projek tersebut secara profesional dengan kaedah-kaedah yang diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- b) Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal projek tersebut.
- c) Mematuhi segala undang-undang, peraturan atau syarat yang ditentukan oleh kerajaan berkaitan dengan projek tersebut.
- d) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Projek AZAM Tani (Korporat).
- e) Menguruskan dan menyelenggara aset-aset projek tersebut.
- f) Memaklumkan secara bertulis mengenai sebarang pertukaran lokasi dan jenis projek kepada peserta.
- g) Menguruskan pemasaran hasil bagi projek tersebut.
- h) Memberi keutamaan kepada peserta-peserta AZAM Tani untuk diambil bekerja di dalam projek tersebut dan dibayar gaji atau elaun atau kedua-duanya sekali.
- i) Tidak berhak menyerahkan hak tugas serta tanggungjawab sebagai agen pengurusan kepada mana-mana pihak lain untuk melaksanakan projek tersebut kecuali dengan persetujuan dan kebenaran bertulis dari peserta.

5. PROSEDUR DAN PROSES PENDAFTARAN KAEDAH

- 5.1 Kaedah Tabung Projek AZAM Tani (Korporat) PP ini hendaklah dibincangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa dan seterusnya dikemukakan kepada Pendaftar untuk didaftarkan.
- 5.2 Segala tatacara perakaunan mestilah menepati kod akaun, tajuk akaun dan catatan bergu yang terlibat. Senarai kod perakaunan bagi setiap jenis sumber terimaan dan belanja yang terlibat bagi Projek AZAM Tani (Korporat) PP ini adalah merujuk kepada Manual Perakaunan PP.
- 5.3 Manual Perakaunan PP (2006) adalah manual terkini yang dikeluarkan melalui Arahan Pendaftar PP Bil.4 Tahun 2006. PP diwajibkan melaksanakan semua tatacara perakaunan berpandukan manual ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai 28 haribulan Jun Tahun 2013.


(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

**KAEDAH TABUNG
PROJEK AZAM TANI (KORPORAT) PERTUBUHAN PELADANG (PP)**

1.0 NAMA

Suatu kumpulan wang yang dinamakan **Tabung Projek AZAM Tani (Korporat)** Pertubuhan Peladang diwujudkan di bawah kuasa 51(xv) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan(bagi PPN perkara 49(xv)) setelah dipersetujui oleh ahli-ahli di dalam suatu Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Tabung Projek AZAM Tani (Korporat) PP ini berkuatkuasa pada tarikh ia didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang.

2.0 TAFSIRAN

Di dalam kaedah ini melainkan ada suatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya, maka tafsiran berikut adalah dipakai:-

- a. **"Akta"** maknanya Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- b. **"Peraturan"** maknanya Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang di bawah Seksyen 35, Akta Pertubuhan Peladang 1973..
- c. **"Perlembagaan"** maknanya Perlembagaan Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- d. **"Pendaftar"** maknanya Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Seksyen 7, Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- e. **"LPP"** maknanya Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 110).

- f. **"PPN"** maknanya Pertubuhan Peladang Negeri yang dibentuk di bawah Seksyen 12, Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- g. **"PPK"** maknanya Pertubuhan Peladang Kawasan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- h. **"AJP"** maknanya Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang yang dilantik dibawah Perlembagaan Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- i. **"Projek AZAM Tani Korporat"** maknanya suatu projek ekonomi yang dilaksanakan secara berkelompok dan diuruskan sepenuhnya oleh agen pengurusan.
- j. **"Peserta"** maknanya individu didalam senarai e-Kasih yang berstatus 'Miskin' dan 'Miskin Tegar'.
- k. **"Tabung"** maknanya Tabung Projek AZAM Tani (Korporat) PP yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang.
- l. **"Agen pengurusan"** maknanya PP yang mempunyai kepakaran pengurusan, teknikal serta kewangan, dan dilantik oleh peserta bagi menguruskan Projek AZAM Tani Korporat.
- m. **"Jawatankuasa Tabung"** maknanya Jawatankuasa Tabung Projek AZAM Tani (Korporat) PP yang dilantik oleh Ahli Jemaah Pengarah PP.

3.0 PEMAKAIAN TABUNG

Terhad kepada peserta yang terlibat dengan projek AZAM Tani (Korporat) PP.

4.0 TUJUAN

Tabung AZAM Tani (Korporat) PP diwujudkan adalah untuk mengumpulkan dana dan sumbangan-sumbangan lain bagi membiayai Projek AZAM Tani (Korporat) PP.

5.0 SUMBER KEWANGAN

Diperolehi daripada beberapa sumber:-

- a. Agihan daripada keuntungan bersih projek AZAM Tani (Korporat) PP.
- b. Keuntungan dari kegiatan PP yang disumbangkan kepada Tabung Projek AZAM Tani (Korporat) PP.
- c. Sumbangan daripada orang perseorangan atau syarikat dan lain-lain.

6.0 PELAKSANAAN

- 6.1 Peserta projek tidak boleh menuntut sebarang pendahuluan tunai sehingga Pertubuhan Peladang membuat pembahagian keuntungan.
- 6.2 Pembahagian keuntungan dikira dan diagihkan apabila projek mendapat untung bersih.
- 6.3 Keuntungan projek hendaklah diagih antara peserta dan agen pengurusan berdasarkan konsep berikut:-

Sebanyak 100% daripada keuntungan bersih setiap tahun diagihkan seperti berikut:-

- a. 20% untuk Tabung Projek AZAM Tani korporat;
- b. 15% kepada PP sebagai balasan kepada PP selaku agen pengurusan ; dan
- c. 65% kepada peserta AZAM Tani.

6.4 Pembahagian keuntungan kepada peserta akan berterusan sehingga peserta terkeluar dari Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan tempatnya akan diganti dengan peserta Miskin Tegar dan Miskin yang baru.

6.5 Tugas-Tugas Agen Pengurusan :-

- a) Menguruskan projek tersebut secara profesional dengan kaedah-kaedah yang diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- b) Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal projek tersebut.
- c) Mematuhi segala undang-undang, peraturan atau syarat yang ditentukan oleh kerajaan berkaitan dengan projek tersebut.
- d) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Projek AZAM Tani (Korporat) PP.
- e) Menguruskan dan menyelenggara aset-aset projek tersebut.
- f) Memaklumkan secara bertulis mengenai sebarang pertukaran lokasi dan jenis projek kepada peserta.
- g) Menguruskan pemasaran hasil bagi projek tersebut.
- h) Memberi keutamaan kepada peserta-peserta AZAM Tani untuk diambil bekerja di dalam projek tersebut dan dibayar gaji atau elaun atau kedua-duanya sekali.
- i) Tidak berhak menyerahkan hak tugas serta tanggungjawab sebagai agen pengurusan kepada mana-mana pihak lain untuk melaksanakan projek tersebut kecuali dengan persetujuan dan kebenaran bertulis dari peserta.

7.0 AKAUN

- a. PP hendaklah menyediakan laporan kewangan Projek AZAM Tani (Korporat) PP secara berasingan.
- b. PP hendaklah membuka satu akaun bank yang berasingan bagi mengendalikan tabung ini.
- c. Tatacara Perakaunan Kaedah Projek Tabung AZAM Tani (Korporat) PP adalah seperti di **Lampiran 1**.

8.0 KEGUNAAN TABUNG

- a. Membiayai modal pusingan dan kos operasi projek AZAM Tani (Korporat) PP seperti pembelian bahan mentah / peralatan bagi menampung kos untuk pusingan seterusnya tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tabung.
- b. Untuk mengembangkan projek sediaada.
- c. Untuk menyelenggara infrastruktur atau peralatan bagi projek AZAM Tani (Korporat) PP dengan kelulusan Jawatankuasa Tabung.
- d. Tidak lebih 5 % daripada jumlah tabung bagi tujuan urusan pentadbiran.
- e. Untuk menyelesaikan segala hutang yang ditanggung oleh Projek AZAM Tani (Korporat) PP sekiranya berlaku penamatan dan kerugian ke atas operasi projek berkenaan.

9.0 CARTA ALIR KAEDAH TABUNG AZAM TANI (KORPORAT) PP – Lampiran 2.

10.0 TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan tabung ini adalah mengikut tahun kewangan PP bagi setiap tahun.

11.0 PEMERIKSAAN KEPADA BUKU DAN REKOD PERAKAUNAN

Ahli Jemaah Pengarah, Audit Dalam PP dan Pegawai LPP yang diberi kuasa oleh Pendaftar, mempunyai hak untuk memeriksa dan membuat teguran mengenai buku dan rekod perakaunan tabung bagi memastikan penggunaan wang tabung diguna bagi tujuan yang diluluskan.

12.0 PERLANTIKAN JAWATANKUASA TABUNG

- a. Sebuah Jawatankuasa dengan keanggotaan sekurang-kurang tiga (3) orang yang dilantik oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah PP hendaklah terdiri daripada sekurang-kurang tiga (3) orang AJP di mana salah seorang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tabung.
- b. Pengurus Besar adalah Setiausaha Jawatankuasa Tabung dan dibenarkan melantik Urusetia dari kalangan Pengurus bahagian bagi membantu kerja-kerja Jawatankuasa Tabung.

13.0 KUASA-KUASA DAN TUGAS JAWATANKUASA TABUNG

- a. Menimbang, menapis, meluluskan dan menolak setiap permohonan penggunaan tabung.
- b. Had kelulusan adalah bergantung kepada penurunan kuasa oleh AJP.
- c. Melaporkan prestasi penggunaan tabung dan laporan prestasi Projek AZAM Tani (Korporat) PP dalam Mesyuarat AJP.

14.0 AUDIT

Akaun Tabung ini hendaklah diaudit secara berasingan sebagai akaun Projek AZAM Tani (Korporat) PP bagi setiap tahun kewangan.

15.0 PERTIKAIAN

Sebarang pertikaian yang berbangkit hendaklah dirujuk kepada Perlembagaan Pertubuhan Peladang, Peraturan-Peraturan PP 1983 dan Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad.

16.0 PENGGANTUNGAN

Dalam keadaan tertentu apabila tabung ini menghadapi masalah kewangan, maka Jemaah Pengarah PP hendaklah menggantungkan aktiviti tabung ini sehingga masalah kewangan itu dapat dipulihkan semula.

17.0 PEMBUBARAN

Ahli Jemaah Pengarah PP boleh mencadang untuk membubarkan tabung sekiranya terdapat perkara-perkara yang munasabah untuk berbuat demikian tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung PP dan Pendaftar.

Tandatangan:

.....
Pengerusi

.....
Ahli Jemaah Pengarah

.....
Ahli Jemaah Pengarah

TATACARA PERAKAUNAN PROJEK AZAM TANI PERTUBUHAN PELADANG**A) AKAUN PERTUBUHAN PELADANG**

1. PP memberi pendahuluan keatas kos operasi projek

Dr	Pembayaran Terdahulu	xx	
	Cr	Tunai	xx

2. PP menuntut 5% peruntukan PMU / TNT

Dr	Tunai	xx	
	Cr	Pembayaran Terdahulu	xx

3. PP terima hasil daripada projek dan dikontrakan dengan Pembayaran Terdahulu

Dr	Tunai	xx	
	Cr	Pembayaran Terdahulu	xx

(Nota: Sekiranya Pembayaran Terdahulu telah dikontrakan sepenuhnya, lebihan tunai diterima direkodkan di akaun Projek)

4. Keuntungan projek diagihkan kepada Agen Pengurusan – 15%

Dr	Tunai	xx	
	Cr	Pendapatan Agen Pengurusan	xx

5. Kerugian Projek akan diserap oleh PP

Dr	Kerugian Projek	xx	
	Cr	Pembayaran Terdahulu	xx


(Nota: Pembayaran Terdahulu adalah tertakluk kepada pengiraan hutang sangsi dibawah Arahan Pendaftar Bil.1 Tahun 1988)

B) AKAUN PROJEK

1.	Projek terima geran (mata benda) daripada LPP		
	Dr Aset Tetap / Stok	xx	
	Cr Rizab Bantuan Kerajaan		xx
2.	PP memberi pendahuluan keatas kos operasi projek		
	Dr Belanja Tertanggung	xx	
	Cr Terimaan Terdahulu		xx
3.	Projek membuat pelarasan bagi tuntutan 5% peruntukan PMU / TnT		
	Dr Terimaan Terdahulu	xx	
	Cr Rizab Bantuan Kerajaan		xx
4.	Projek terima hasil dan dikontra dengan Terimaan Terdahulu		
	Dr Terimaan Terdahulu	xx	
	Cr Pendapatan/Jualan		xx
5.	Setelah Terimaan Terdahulu telah dikontrakan sepenuhnya, maka tunai masuk akan direkodkan		
	Dr Tunai	xx	
	Cr Pendapatan/Jualan		xx
6.	Untuk menyelaras Belanja Tertanggung		
	Dr Belanja	xx	
	Cr Perbelanjaan Tertanggung		xx
7.	Keuntungan projek diagihkan kepada Tabung Azam Tani (20%)		
	Dr Untung Rugi – 20%	xx	
	Cr Tunai – 20%		xx
8.	Keuntungan projek diagihkan kepada Agen Pengurusan (15%)		
	Dr Untung Rugi – 15%	xx	
	Cr Tunai – 15%		xx

9. Keuntungan projek diagihkan kepada Peserta (65%)
- | | | | |
|----|-------------------|----|-----------------------|
| Dr | Untung Rugi – 65% | xx | |
| | Cr | | Peserta – 65% xx |
10. Kerugian Projek akan diserap oleh PP
- | | | | |
|----|-----------------|----|----------------------------|
| Dr | Kerugian Projek | xx | |
| | Cr | | Terimaan Terdahulu xx |
11. Untuk merekod penggunaan Tabung Azam Tani
- | | | | |
|----|------------------|----|---------------|
| Dr | Tabung Azam Tani | xx | |
| | Cr | | Tunai xx |

CARTA ALIR KAEDAH TABUNG PROJEK AZAM TANI (KORPORAT) PP



**PERJANJIAN ANTARA PERTUBUHAN PELADANG
(PP) DENGAN PESERTA PROJEK AZAM TANI DALAM PELAKSANAAN
PROJEK AZAM TANI KORPORAT**

.....

PERJANJIAN INI DIBUAT PADA haribulan Tahun

ANTARA

PERTUBUHAN PELADANG
sebuah pertubuhan Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan
Peladang 1973 (Akta 109) yang beralamat di
.....(selepas ini dirujuk sebagai
"PP") di satu pihak,

DAN

(Nama)..... No.Kad Pengenalan
..... adalah peserta Projek AZAM Tani yang merupakan
individu miskin dan miskin tegar di dalam senarai sistem eKasih, ICU (selepas ini
disebut Peserta), di satu pihak lagi.

BAHAWASANYA:-

- A. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga Malaysia telah memperuntukan wang bagi tujuan meningkatkan pendapatan peserta supaya keluar daripada garis kemiskinan.
- B. Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang kepada peserta untuk melaksanakan Projek AZAM Tani secara Korporat yang bertujuan memberi tambahan pendapatan kepada keluarga tandu miskin dan termiskin yang diperaku oleh
.....

- C. Peserta bersetuju melantik PP.....sebagai pemegang amanah dan sebagai agen pengurusan Projek AZAM Tani secara Korporat.

BAHAWASANYA ADALAH DIPERSETUJUI OLEH KEDUA-DUA PIHAK TERTAKLUK KEPADA FASAL-FASAL DI BAWAH INI

FASAL 1

TAFSIRAN

"Kementerian Pembangunan Wanita Dan Keluarga Malaysia" (selepas ini disebut sebagai "KPWKM") adalah Kementerian yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Malaysia dalam Projek AZAM Tani

"Lembaga Pertubuhan Peladang" (selepas ini disebut sebagai "LPP") adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 110) dan merupakan agensi pelaksana Projek AZAM Tani.

"Pertubuhan Peladang" (selepas ini disebut sebagai "PP") adalah sebuah Pertubuhan Perbadanan yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) yang berperanan sebagai pemegang amanah dan agen pengurusan bagi pelaksanaan Projek AZAM Tani Korporat.

"Tabung Projek AZAM Tani" ertinya suatu Tabung Khusus yang diwujudkan berdasarkan kaedah-kaedah yang diluluskan oleh Pendaftar PP.(selepas ini disebut sebagai "Tabung").

"Projek Azam TANI Korporat" ertinya suatu projek ekonomi yang dilaksanakan secara berkelompok dan diuruskan sepenuhnya oleh agen pengurusan.

"Agen pengurusan" ertinya PP yang mempunyai kepakaran pengurusan, teknikal serta kewangan, dan dilantik oleh peserta bagi menguruskan Projek AZAM Tani Korporat.

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973(Akta 109).

"Focus Group" ertinya suatu Jawatankuasa yang memantau pelaksanaan program pembasmian kemiskinan.

"Jawatankuasa Teknikal" ertinya suatu Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mendapatkan khidmat nasihat kepakaran teknikal bagi pembangunan sesuatu projek dari agensi berkaitan.

"ICU" ertinya Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

FASAL 2. PERUNTUKAN KEWANGAN

Bahawa KPWKM telah memperuntukkan wang sejumlah kepada peserta melalui LPP bagi tujuan melaksanakan Projeksecara korporat yang akan diuruskan oleh PP sebagai agen pengurusan.

FASAL 3 PROJEK

Bahawa projek yang dimaksudkan ialah Projek (selepas ini disebut sebagai "Projek Tersebut").

FASAL 4. PERLANTIKAN AGEN PENGURUSAN

Bahawa peserta dengan ini bersetuju melantik PP sebagai pemegang amanah dan agen pengurusan Projek Tersebut dan PP bersetuju menerima perlantikan tersebut.

FASAL 5

TEMPOH PERJANJIAN

- 5.1 Perjanjian ini akan berkuatkuasa selama tempoh () tahun.
- 5.2 PP dan peserta bersetuju Perjanjian ini akan dikaji (disemak) selepas dua (2) tahun dari tarikh perjanjian ini ditandatangani.

FASAL 6

BALASAN

- 6.1 Sebanyak 100% daripada keuntungan bersih setiap tahun diagihkan seperti berikut:-
 - (a) 20% untuk Tabung Projek AZAM Tani korporat;
 - (b) 15% kepada PP sebagai balasan kepada PP selaku agen pengurusan ; dan
 - (c) 65% kepada peserta AZAM Tani.
- 6.2 Sekiranya Projek Tersebut mengalami kerugian maka tiada sebarang agihan seperti fasal 6.1.
- 6.3 Sebarang kerugian terkumpul boleh diserap melalui penggunaan Tabung Projek Azam Tani Korporat yang diwujudkan.

FASAL 7

AKUJANJI PERTUBUHAN PELADANG

PP mengakujaji peserta seperti berikut:-

- 7.1 Menyediakan suatu kertas cadangan pelaksanaan projek tersebut.
- 7.2 Menubuhkan Tabung Projek AZAM Tani Korporat mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Pendaftar PP.
- 7.3 Menguruskan Projek Tersebut secara profesional dengan kaedah-kaedah yang diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- 7.4 Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Projek Tersebut.

- 7.5 Mematuhi segala undang-undang, peraturan atau syarat yang ditentukan oleh kerajaan berkaitan dengan Projek Tersebut.
- 7.6 Mengemukakan Laporan Status Pelaksanaan Projek Tersebut pada setiap suku tahun dan Laporan Kemajuan Kewangan dan Fizikal Projek Tersebut dalam mesyuarat '*focus group*' bagi tujuan pengesanan dan penilaian projek.
- 7.7 Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan Projek Tersebut kepada peserta setiap akhir tahun kewangan.
- 7.8 Mematuhi syarat-syarat kelulusan Projek AZAM Tani Korporat.
- 7.9 Mewujudkan akaun khas bagi Projek Tersebut.
- 7.10 Menguruskan dan menyelenggara aset-aset Projek Tersebut.
- 7.11 Memaklumkan secara bertulis mengenai sebarang pertukaran lokasi dan jenis projek kepada peserta.
- 7.12 Menguruskan pemasaran hasil bagi Projek Tersebut.
- 7.13 Membuat agihan keuntungan Projek Tersebut sekiranya ada lebihan.
- 7.14 Memberi jaminan mengganti rugi sekiranya terdapat apa-apa litigasi oleh pihak luar dalam pelaksanaan Projek Tersebut.
- 7.15 Melaksanakan Projek Tersebut dengan suci hati (*good faith*) dan bersedia untuk ditamatkan sekiranya enggan atau ingkar atau melanggar mana-mana peraturan atau syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan atau mana-mana fasal dalam perjanjian ini.
- 7.16 Memberi keutamaan kepada peserta-peserta AZAM Tani untuk diambil bekerja di dalam Projek Tersebut dan dibayar gaji atau elaun atau kedua-duanya sekali.

- 7.17 Tidak berhak menyerahkan hak tugas serta tanggungjawab sebagai agen pengurusan kepada mana-mana pihak lain untuk melaksanakan Projek Tersebut kecuali dengan persetujuan dan kebenaran bertulis dari peserta.
- 7.18 Meneruskan pelaksanaan Projek Tersebut dan bertanggungjawab terhadap segala liabiliti selepas perjanjian ini tamat.
- 7.19 Semua aset yang diperuntukkan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak.

FASAL 8. AKUJANJI PESERTA AZAMTANI

Peserta mengaku janji PP seperti berikut :-

- 8.1 Menyerahkan peruntukan sebanyak RM10,000.00 kepada PP dimana RM9,000.00 (Ringgit Malaysia:Sembilan Ribu Sahaja) untuk melaksanakan Projek di Tapak milikberalamat di dan RM500.00 bagi tujuan pembangunan sumber manusia, dan RM500.00 bagi tujuan belanja operasi.
- 8.2 Sentiasa memberi komitmen dan kerjasama dengan PP sepanjang tempoh perjanjian ini
- 8.3 Bersetuju bahawa peserta-peserta Projek Tersebut boleh ditamatkan penyertaannya dan digantikan dengan pewaris terdekat sekiranya peserta meninggal dunia tertakluk kepada kelulusan ICU.
- 8.4 Sekiranya peserta telah disahkan terkeluar dari Sistem eKasih, dan telah dibuat pemutihan oleh ICU, maka dengan sendirinya perjanjian ini terbatal kepada peserta tersebut dan ICU berhak untuk mengganti dengan peserta baru.
- 8.5 Peserta tidak dibenarkan menuntut apa-apa amaun dari peruntukan yang dinyatakan dalam fasal 8.1.

- 8.6 Tidak dibenarkan menuntut sebarang pendahuluan tunai sehingga PP membuat pembahagian keuntungan.
- 8.7 Tidak dibenarkan mengganggu pengurusan Projek Tersebut.
- 8.8 Tidak membuat tuntutan terhadap bangunan dan aset-aset projek tersebut selepas perjanjian ini tamat (10 tahun).

FASAL 9

JAWATANKUASA TEKNIKAL PROJEK

- 9.1 Jawatankuasa Teknikal terdiri dari enam (6) anggota berikut:-
- (i) Pengarah LPP Negeri atau wakil selaku pengerusi;
 - (ii) Jurutera LPP;
 - (iii) Desk officer AZAM Tani;
 - (iv) Pegawai Veterinar/Pertanian/Perikanan/Perhutanan/MPOB (yang mana berkenaan)
 - (v) ICU Daerah; dan
 - (vi) Pengurus Besar PP terlibat

FASAL 10

PELBAGAI

- 10.1 Masa dimana jua disebut dalam perjanjian ini adalah intipati kepada perjanjian ini.
- 10.2 Segala notis yang berkaitan dengan apa-apa urusan perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan secara AR Berdaftar ke alamat masing-masing dan dianggap telah diterima dengan pengakuan terima AR Berdaftar.
- 10.3 Kedua-dua pihak tidak mengambil apa-apa tindakan mahkamah sekiranya berlaku kerugian akibat bencana alam dan lain-lain kerosakan yang diakibatkan oleh faktor-faktor yang diluar kawalan masing-masing atau apa-apa *force majeure*.

10.4 Jika terdapat apa-apa pertikaian antara pihak-pihak dalam perjanjian ini ia hendaklah diselesaikan secara perundingan dan jika masih tidak diselesaikan ia hendaklah diselesaikan melalui proses Timbangtara di bawah Akta Timbangtara 2005 atau di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973, yang mana berkenaan dan Keputusan Penimbangtara adalah muktamad.

***** MUKA SURAT DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG *****

PADA MEMPERAKUKAN DAN MENYAKSIKAN DI ATAS perjanjian ini pihak-pihak yang mengikat Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada hari dan tarikh yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI)
oleh/untuk dan bagi)
pihak Pemilik

(Pengerusi Jemaah Pengarah)

(Ahli Jemaah Pengarah)

(Ahli Jemaah Pengarah)

Di hadapan saksi)
Pengurus Besar)
Nama :
Alamat :

DITANDATANGANI)
Untuk dan bagi)
Peserta)

()

No Kad Pengenalan)

Dihadapan saksi)

Nama :
Alamat :